

ANDA DIGANGGU, TERGANGGU?

Gangguan seksual adalah salah satu perlakuan **tidak bermoral** yang dilakukan oleh seseorang terhadap seseorang yang lain. Gangguan seksual memberi **kesan negatif** kepada mangsa yang mungkin boleh menyebabkan mangsa mengalami **trauma, fobia, ketakutan** dan **menjejaskan rutin harian**. Ini secara tidak langsung menjelaskan produktiviti dan keberhasilan kerja seseorang individu.

GANGGUAN SEKSUAL DI TEMPAT KERJA ADALAH SATU KESALAHAN DAN BOLEH DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB

[Akta Badan-Badan Berkanun (Tataterrib & Surcaj) 2000-Akta 605]

ANDA DIGANGGU, TERGANGGU?

Sila rekodkan butir-butir kejadian termasuk tarikh, tempat, masa, bagaimana kejadian berlaku dan bukti-bukti berkaitan dan kemukakan **Aduan Rasmi** kepada **Unit Integriti** melalui emel: whistleblower@matrade.gov.my

GANGGUAN SEKSUAL DI TEMPAT KERJA

Sebarang pelakuan bersifat seksual secara lisan, bukan lisan, visual, psikologi atau fizikal yang menyebabkan seseorang yang waras **TERSINGGUNG, TERHINA ATAU TERUGUT**

Boleh terjadi kepada lelaki, perempuan atau sesama jantina

JENIS GANGGUAN SEKSUAL

1. Ditepuk, dicium dipeluk atau dicubit
2. Ditenung dengan pandangan berunsur lucah
3. Disentuh bahagian tubuh yang sulit
4. Berdiri atau duduk rapat sehingga tidak selesa
5. Didedah dengan perkataan, bahan berunsur seks
6. Terima panggilan berunsur seks
7. Diberi isyarat berunsur lucah
8. Dipaksa secara lisan atau fizikal melakukan hubungan seks
9. Terima surat berunsur seks
10. Gurau senda, jenaka menggunakan bahasa lucah atau kiasan seks
11. Ditegur dengan kata-kata berunsur seks mengenai fizikal
12. Dijanjikan hadiah, markah prestasi kerja, kenaikan pangkat jika terima pelawaan seks

93%

Sumber: Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5, Tahun 2018 (Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual Di Tempat Kerja)